



















Kalam



MENJADI
tanggungjawab
ibu bapa untuk
menjaga,
mendidik dan
melindungi si kecil
tidak kiralah
merek itu anak
kandung mahupun
anak angkat.

Naik hampir dua kali ganda

SUSULAN LAPORAN DERA ANAK ANGKAT

Foto 123RF

Oleh NURULFATIHA MUAH

SUSULAN laporan penderaan anak angkat yang disiarkan di *Sinar Islam Plus* pada 12 Ogos lalu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberikan maklum balas berkaitan isu tersebut.

Menerusi temu bual secara maya, **Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Datuk Shaharuddin Abu Sohot** mendedahkan, statistik JKM merekodkan peningkatan kes dera dan pengabaian kanak-kanak oleh ibu bapa kandung, ibu bapa angkat dan pengasuh bermula 2020 sehingga kini.

Sepanjang Januari hingga Mei lalu, katanya, JKM menerima 1,898 kes. Tahun 2021 pula mencatatkan 6,144 kes berbanding 5,836 kes tahun sebelumnya.

"Merujuk statistik kes kanak-kanak yang menjadi mangsa dera tidak kiralah sama ada secara fizikal, mental atau seksual dalam tempoh tiga tahun iaitu 2019 hingga 2021, JKM merekodkan purata kes sebanyak 6,120 dalam setahun.

"Jika dibandingkan dengan tempoh 10 tahun sebelumnya iaitu 2009 hingga 2011, purata kes dicatatkan hanyalah 3,158 kes setahun. Jadi, kita dapat lihat berlaku kenaikan hampir dua kali ganda sepanjang tempoh tersebut," katanya..

Mengulas penderaan anak angkat, Shaharuddin menjelaskan, sebanyak 10 kes masing-masing dilaporkan dilakukan oleh ibu dan bapa angkat, manakala kes melibatkan pengasuh pula mencatatkan 105 kes sepanjang lima bulan pertama tahun ini.

Punca dera

Jelas Shaharuddin, kebanyakan kes penderaan oleh pengasuh sering dikaitkan dengan tiga faktor utama. Ia termasuklah nisbah pengasuh dengan kanak-kanak tidak mengikut standard yang ditetapkan dalam Seksyen 5 Akta Taman

ANEKDOT

SALURAN aduan kes dera

- Pejabat Kebajikan Masyarakat
- Balai polis
- Hospital berhampiran
- Hubungi Talian Kasih 15999 atau WhatsApp 019-261 5999
- Mana-mana ahli Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak atau Pusat Aktiviti Kanak-Kanak yang terdapat di kawasan berlakunya penganiayaan
- Twitter, Facebook, Instagram Jabatan Kebajikan Masyarakat

Secara umumnya, Shaharuddin menjelaskan, perbalahan keluarga adalah unsur utama yang menyumbang kepada keganasan kanak-kanak dengan catatan 1,681 kes sepanjang 2020 hingga Mei 2022.

"Selain itu, kecuaiannya ibu bapa dan penjaga sama ada secara sengaja atau tidak turut memicu kepada penderaan dan kes pengabaian kanak-kanak. Ia termasuklah insiden si kecil yang ditinggalkan di dalam kereta, terjatuh dari eskalator pusat beli-belah atau bangunan, membiarkan atau memberi kepercayaan kepada kanak-kanak keluar ke kedai untuk membeli barang tanpa pengawasan orang dewasa.

"Satu lagi faktor adalah masalah kewangan.

Sebenarnya, kehidupan di bandar besar dengan pendapatan kecil menyukarkan ibu bapa membesarkan anak-anak. Disebabkan terpaksa memikirkan cara mencari pendapatan untuk keluarga akibat kos semakin meningkat, ada yang bertindak ganas terhadap kanak-kanak," ujar beliau.



SHAHARUDDIN

